

KELESTARIAN HIDUP EKONOMI KOMUNITI ORANG KANAQ DAN ORANG KUALA, JOHOR: SUATU PENELITIAN DARI ASPEK PENGUASAAN KE ATAS MODAL KEWANGAN

(Sustainable economic life for the Kanaq and Kuala Communities of Johor: A Study on the aspect of control over financial capital)

Mustaffa Omar & Nor Hafizah Mohd Fizer

ABSTRAK

Penulisan ini menawarkan suatu analisis perbandingan kelestarian hidup ekonomi komuniti Orang Kanaq dan Orang Kuala di Kota Tinggi, Johor. Kelestarian hidup ekonomi ini dianalisis berasaskan penguasaan mereka ke atas empat petunjuk modal kewangan berikut iaitu tingkat pendapatan, pemilikan aset, penerimaan bantuan kerajaan dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan. Seramai 23 Orang Kanaq dan 51 Orang Kuala berstatus ketua isirumah telah ditemubual berasaskan satu set soalselidik yang disediakan. Hasil kajian menunjukkan penguasaan Orang Kanaq ke atas dua petunjuk utama modal kewangan iaitu tingkat pendapatan dan pemilikan aset tetap dan cair adalah masih rendah. Malahan, bantuan kerajaan yang disediakan untuk mereka selama ini masih belum dapat meningkatkan taraf kehidupan kepada kedudukan yang lebih baik. Bantuan yang disediakan kepada Orang Kanaq setakat ini lebih menjurus kepada memenuhi keperluan dan penggunaan semasa terutama dalam bentuk makanan, pakaian dan pelbagai barangan keperluan harian lain yang bersifat pakai habis. Bantuan seumpama ini dilihat tidak dapat membantu mereka menjana peluang pendapatan dan kedudukan ekonomi yang lebih baik dan terjamin di masa hadapan. Sebaliknya, manfaat bantuan kerajaan yang diterima Orang Kuala pula lebih menjurus kepada meningkatkan kualiti modal insan melalui bidang pendidikan dan modal kewangan dalam bentuk pinjaman, geran dan subsidi. Bentuk bantuan sedemikian telah membantu Orang Kuala meningkatkan peluang ekonomi dan menjana pendapatan yang lebih baik. Sehubungan itu, kajian semula perlu dijalankan oleh pihak kerajaan dalam menyediakan sesuatu bantuan untuk Orang Asli, khususnya kepada Orang Kanaq. Bentuk bantuan disediakan semestinya lebih menjurus kepada usaha meningkatkan penguasaan mereka ke atas modal kewangan dan modal insan yang lebih baik. Usaha sebegini dilihat sekaligus dapat memberi mereka lebih ruang dan peluang untuk menjalani hidup secara berdikari dan lebih menjamin di masa hadapan.

Kata kunci: Orang Asli, Orang Kanaq, Orang Kuala, kelestarian hidup, modal kewangan, modal insan.

ABSTRACT

This paper offers a comparative analysis of the sustainability of the economic life of the Orang Kanaq and Orang Kuala communities in Kota Tinggi, Johor. Four indicators of financial capital acquisition were analysed that is level of income, ownership of assets, recipients of government financial and non-financial assistance. A total of 23 head of households of Orang Kanaq and 51 head of households of Orang Kuala were interviewed using a standard questionnaire. The results showed low acquisition among the Orang Kanaq in two key indicators of financial capital that is level of income and asset ownership. In fact, state aid provided to them over the years has not been able to raise their standard of living to a better position. This is due to the assistance provided to the Orang Kanaq is far more geared to meet their immediate needs and usage, especially in the form of food, clothing and other daily necessities. Such assistance also could not help them generate additional income and secure a better economic position. On the other hand, the benefits of government assistance received by the Orang Kuala was more focused on improving the quality of human capital through education, and financial capital in the form of loans, grants and subsidies. Such assistance has helped the Orang Kuala increase their economic position and opportunity in generating a better income level. Accordingly, a review on current government policy and strategies is critical at this juncture in providing assistance to the Orang Asli, especially among the Orang Kanaq. Forms of assistance provided must be much more focused on improving their financial and human capital conditions. Such efforts are seen to provide them with better opportunity for more independent and secure livelihood in the future.

Keywords: Aboriginal people, Orang Kanaq, Orang Kuala, sustainable livelihood, financial capital, human capital.

PENGENALAN

Malaysia merupakan negara membangun yang sedang mengorak langkah ke arah negara maju menjelang 2020. Usaha untuk mencapai taraf negara maju haruslah didokong dan dikongsi bersama oleh segenap lapisan masyarakat di negara ini. Namun hingga setakat ini, pencapaian pembangunan masyarakat Orang Asli di negara ini tidak serancak masyarakat lain. Tahap kemajuan yang dikecapi juga masih kurang memuaskan berbanding dengan masyarakat lain di negara ini (Suki Mee 2003). Semenjak merdeka selama 58 tahun lalu, sebahagian besar masyarakat Orang Asli di negara ini masih lagi dibelenggu dengan masalah kemiskinan. Harapan melihat mereka berjaya menjelang tahun 2020 masih kabur kerana masih ramai yang ketinggalan dan terpinggir daripada arus perdana pembangunan (Mustaffa Omar 2008). Menurut Kua Kia Song (2002), komuniti Orang Asli di negara ini semakin tersepit di tengah-tengah arus pembangunan semasa. Kehidupan mereka masih tidak dapat menyaingi dan bergerak seiring dengan kaum-kaum lain di negara ini meskipun pihak


kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan agensi-agensi kerajaan lain telah menyediakan pelbagai bantuan pendidikan, kewangan, subsidi pertanian dan ternakan, khidmat kesihatan dan makanan percuma, peluang perniagaan serta perumahan (Nor Hayaati Abdul Rashid 2005).

Tulisan ini bertujuan untuk meneliti kelestarian hidup Orang Kanaq berbanding Orang Kuala berasaskan penguasaan mereka ke atas empat petunjuk modal kewangan iaitu tingkat pendapatan, pemilikan aset, penerimaan bantuan kerajaan dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan. Penelitian juga diberi dalam menilai keberkesanan bantuan yang disediakan oleh kerajaan sejak sekian lama dalam menambahbaik kehidupan ekonomi Orang Kanaq dan Orang Kuala. Persoalan pokok di sini ialah sejauhmanakah bantuan yang diberikan selama ini mampu memberikan kehidupan yang lebih baik kepada Orang Kanaq dan Orang Kuala.

KERANGKA KONSEPTUAL DAN METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kajian diadaptasi daripada kerangka kelestarian kehidupan (*Sustainable Livelihood Framework*) anjuran *UK's Department for International Development (1999)*. Kajian bergerak di atas premis “kelestarian hidup sesuatu kelompok sosial adalah tertakluk kepada penguasaan mereka ke atas lima jenis modal iaitu modal fizikal, modal sosial, modal kewangan, modal semulajadi dan modal manusia (insan). Selain itu, faktor kemudahterancaman dan intervensi pihak kerajaan melalui polisi/dasar tertentu dan tindakan strategik komuniti lokal sendiri boleh membantu sesuatu komuniti itu mencapai kelestarian dalam kehidupan”.

Bagaimanapun dalam tulisan ini, tumpuan hanya diberikan dari segi penguasaan penduduk ke atas beberapa petunjuk modal kewangan sebagai sesuatu yang kritikal dalam menjamin kelangsungan hidup. Rajah 1 mempersembahkan kerangka konseptual tentang pengaruh beberapa petunjuk utama modal kewangan tersebut. Secara ringkas, rajah ini menunjukkan bahawa kelestarian hidup perekonomian sesebuah komuniti adalah tertakluk kepada penguasaan mereka ke atas empat petunjuk modal kewangan berikut – tingkat pendapatan, pemilikan aset, penerimaan bantuan dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan sama ada daripada pihak kerajaan dan badan-badan lain. Sebarang perbezaan penguasaan dan akses dalam petunjuk modal kewangan ini diandaikan boleh membawa kepada perbezaan kelestarian hidup ekonomi bagi sesuatu komuniti tersebut.



Data kajian ini diperoleh daripada hasil kendalian satu set soalselidik di lapangan yang melibatkan 23 ketua isi rumah Orang Kanaq dan 51 ketua isirumah Orang Kuala di Kota Tinggi, Johor. Pemilihan subjek kajian dalam kalangan Orang Kanaq dilakukan melalui teknik pembancian berikutan jumlah penduduknya yang kecil, manakala bagi Orang Kuala pula melibatkan teknik persampelan rawak mudah.

LATAR BELAKANG ORANG KANAQ DAN ORANG KUALA

Sejarah mencatatkan bahawa Orang Kanaq dan Orang Kuala pada asalnya adalah sebahagian daripada Orang Laut dan berada dibawah rumpun kumpulan Melayu Proto (Andaya, 1975 dlm Mahani Musa, 2011; dan Yuszaidy et.al. 2009). Maklumat demografi (lihat Jadual 1) menunjukkan Orang Kanaq kini merupakan suku kaum yang paling sedikit populasinya berbanding dengan suku kaum Orang Asli yang lain di negara ini (JAKOA, 2010). Menurut laporan rasmi populasi Orang Asli di Semenanjung Malaysia pada tahun 2010, populasi

Orang Kanaq di negara ini hanya di sekitar 139 (0.1%) orang berbanding Orang Kuala dengan jumlah penduduk yang lebih besar iaitu seramai 3,527 (2.0%) orang.

Jadual 1
Populasi Orang Asli Melayu Proto di Semenanjung Malaysia, 2010

Suku Melayu Proto	Bilangan Keluarga	Bilangan Penduduk
Temuan	6,384	27,996
Semelai	1,792	7,619
Jakun	7,848	34,802
Orang Kanaq	29	139
Orang Kuala	624	3,527
Orang Seletar	349	1,664
Jumlah	17,026	75,747

Sumber: JAKOA (2010) Laporan eDamak

Dari segi petempatan Orang Kanaq di negara ini, sebahagian besar tertumpu di Sungai Selangi, Kota Tinggi, Johor semenjak tahun 1962 setelah pihak kerajaan mewartakan kawasan tersebut sebagai rizab khusus untuk mereka (Mohd. Sharifudin Yusop 2008). Sebelum mereka menetap di Sungai Selangi, Orang Kanaq telah banyak berpindah-randah dari satu tempat ke tempat yang lain. Mereka kini sudah tidak lagi menjalankan aktiviti ekonomi berteraskan kehidupan laut berikutan lokasi geografi kawasan kediaman di sekitar Sungai Selangi dikelilingi ladang kelapa sawit dan berkedudukan jauh dari laut. Meskipun kawasan kediaman mereka dikelilingi ladang kelapa sawit, kegiatan pertanian bukan merupakan pekerjaan yang dominan. Mereka ada menerima subsidi dari hasil kelapa sawit yang diusahakan pihak Felcra iaitu sebanyak RM350.00 – Rm400.00 sebulan. Kebanyakan Orang Kanaq di sini bekerja sebagai pekerja kampung dan pencari hasil hutan dan sungai untuk dijual dan kegunaan sendiri.

Secara perbandingan, populasi Orang Kuala adalah jauh lebih ramai daripada Orang Kanaq. Selain tertumpu di daerah Kota Tinggi, Orang Kuala juga masih ramai ditemui di daerah-daerah lain di negeri Johor seperti Batu Pahat dan Pontian. Sejak dahulu hingga sekarang, mereka masih menjalankan kegiatan sebagai nelayan. Kedudukan Kampung Sungai Layau di Johor Lama yang berdekatan sungai dan laut menyebabkan ramai daripada penduduknya masih meneruskan kehidupan sebagai nelayan. Selain itu, mereka juga terlibat sebagai pekerja pertanian dan buruh ladang sawit yang terletak bersebelahan dengan kampung mereka. Sebahagian lagi Orang Kuala ada yang terlibat sebagai peniaga dan pekerja perkhidmatan. Pembangunan infrastruktur di kawasan ini juga telah memudahkan Orang Kuala untuk mudah keluar berulang-alik bekerja di pekan dan bandar berdekatan sebagai pekerja sector awam dan swasta.

HASIL KAJIAN

Proksi petunjuk kelestarian hidup ekonomi dalam kajian ini merujuk kepada domain modal kewangan, diukur berasaskan kemampuan kuasa beli atau berbelanja penduduk bagi memenuhi empat keperluan berikut iaitu (a) berbelanja dalam memenuhi keperluan asas (contohnya makanan, pakaian, pengangkutan, bayaran utiliti dan sebagainya), (b) berbelanja dalam urusan persekolahan termasuk latihan, (c) berbelanja untuk membiayai keperluan perubatan termasuk rawatan dan penjagaan kesihatan, dan (d) berbelanja bagi melunaskan hutang-piutang/kredit. Kemampuan kuasa beli atau keupayaan berbelanja dalam keempat-empat perkara ini juga boleh dijadikan sebagai petunjuk dalam mengukur kedudukan kewangan individu atau isirumah sama ada berada dalam keadaan stabil dan terjamin atau sebaliknya. Lantas, kemampuan kewangan untuk berbelanja sebegini juga memberi petunjuk bahawa sesuatu isirumah tersebut mampu mengharungi kehidupan ekonomi yang lebih baik berbanding mereka yang kurang kemampuan kewangan sedemikian. Berdasarkan premis ini, analisis lanjut telah dijalankan bagi mengesan kemampuan kewangan dan berbelanja Orang Kanaq dan Orang Kuala sebagai petunjuk kepada kelestarian hidup ekonomi masing-masing.

Kelestarian Hidup Ekonomi Orang Kanaq vs Orang Kuala

Jadual 2 menunjukkan perbezaan kelestarian hidup ekonomi Orang Kanaq dan Orang Kuala berasaskan kemampuan kewangan untuk berbelanja dalam empat perkara di atas. Hasil kajian menunjukkan nilai indeks kelestarian hidup ekonomi Orang Kanaq adalah lebih rendah (0.6522) berbanding nilai indeks kelestarian hidup ekonomi bagi Orang Kuala (0.9412). Analisis selanjutnya berasaskan ukuran peratusan juga mendapati kemampuan kewangan Orang Kanaq dalam perbelanjaan berkaitan keperluan asas, persekolahan, perubatan dan hutang-piutang adalah lebih rendah berbanding Orang Kuala. Dalam kalangan Orang Kanaq, kemampuan berbelanja dalam kedua-dua perkara ini adalah lebih rendah daripada Orang Kuala dengan jurang perbezaan berkurangan sebanyak 17.4% untuk perbelanjaan keperluan asas dan 30.4% berkurangan dalam perbelanjaan persekolahan. Merujuk kepada kemampuan perbelanjaan perubatan, perbezaannya adalah signifikan iaitu berkurangan sebanyak 30.4% dalam kalangan Orang Kanaq berbanding Orang Kuala. Sementara, dari sudut pembayaran balik hutang-piutang atau kredit, Orang Kuala didapati jauh lebih berkemampuan berbuat demikian (80.4%) berbanding Orang Kanaq (39.1%) dengan jurang perbezaannya sebanyak 41.3 peratus.

Jadual 2

Kelestarian Hidup Ekonomi Orang Kanaq Berbanding Orang Kuala Berdasarkan Penguasaan Ke Atas Modal Kewangan, 2012

Kemampuan Kewangan	Orang Kanaq (%) (a)	Orang Kuala (%) (b)	Jurang Perbezaan (%) (c) = (a)-(b)
Bagi Memenuhi Keperluan Asas	82.6	100	-17.3
Bagi Perbelanjaan Persekolahan	69.6	100	-30.4
Bagi Perbelanjaan Perubatan	69.6	96.1	-30.4
Bagi Membayar Balik Hutang	39.1	80.4	-41.3
Indeks Kelestarian Hidup Ekonomi	0.6522	0.9412	-0.2890

Analisis Petunjuk Modal Kewangan Kepada Kelestarian Hidup Ekonomi Komuniti

Berikut dibentangkan hasil analisis ke atas beberapa faktor penting yang mempunyai kaitan rapat dengan kedudukan modal kewangan komuniti kajian. Sejajar dengan kerangka konseptual yang dibentangkan dalam Rajah 1, petunjuk kepada kelestarian hidup ekonomi komuniti kajian adalah berkait rapat dengan empat petunjuk modal kewangan berikut iaitu (a) tingkat pendapatan, (b) pemilikan aset tetap dan aset cair/tunai, (c) penerimaan bantuan berbentuk kewangan, dan (d) penerimaan bantuan bukan kewangan. Premis penghujahan bagi menentukan sesebuah isirumah atau komuniti itu berada dalam kedudukan modal kewangan/ekonomi yang lestari atau sebaliknya disandarkan kepada kelebihan mereka dalam menguasai keempat-empat petunjuk modal kewangan di atas.

a) Petunjuk Tingkat Pendapatan

Jadual 3a memaparkan maklumat perbezaan taburan pendapatan isirumah di antara Orang Kanaq dan Orang Kuala. Tingkat pendapatan dianggap penting sebagai refleksi kepada salah satu ukuran kedudukan kewangan sesebuah isirumah atau komuniti. Secara perbandingan, agihan pendapatan bulanan dalam kalangan Orang Kuala adalah jauh lebih tinggi berbanding Orang Kanaq. Min pendapatan bulanan Orang Kanaq berjumlah RM608.00 iaitu kurang daripada separuh kepada min pendapatan bulanan Orang Kuala iaitu bersamaan RM1,315.00 sebulan. Pecahan sebenar mengikut nilai peratusan pula mendapati masih ramai (39.1%) isirumah Orang Kanaq mempunyai pendapatan di bawah RM500.00 sebulan, sementara mereka dengan pendapatan di antara RM500-RM999 adalah seramai 52.2 peratus. Peratusan isirumah Orang Kanaq dengan pendapatan bulanan melebihi RM1,000 adalah masih kecil (8.7%).

Jadual 3a
Taburan Pendapatan Bulanan Isi Rumah Orang Kanaq dan Orang Kuala, 2012.

Taburan Pendapatan (RM)	Orang Kanaq (%)	Orang Kuala (%)
<500.00	39.1	0.0
500.00-999.00	52.2	35.3

1000.00-1499.00	8.7	37.3
1500.00-1999.00	0	11.8
2000.00 ke atas	0	15.7
Min Pendapatan	RM608.00	RM1,315.00

Analisis taburan pendapatan mengikut peratusan bagi Orang Kuala pula mendapati tiada isirumah yang memiliki pendapatan di bawah RM500 sebulan. Kebanyakan mereka (37.3%) memiliki pendapatan antara RM1,000 hingga RM1,499 sebulan, diikuti sebanyak 35.3 peratus isirumah yang lain dengan pendapatan antara RM500-RM999 sebulan. Peratusan Orang Kuala berpendapatan melebihi RM1,500 sebulan juga agak besar (27.5%) berbanding kosong peratus bagi Orang Kanaq. Penemuan ini sekaligus memberi petunjuk tentang kedudukan kewangan berasaskan pemilikan pendapatan bulanan yang lebih baik dalam kalangan Orang Kuala berbanding Orang Kanaq.

Jadual 3b membentangkan penemuan berkaitan perbezaan bilangan dan punca pendapatan bulanan isirumah di antara Orang Kanaq dan Orang Kuala. Analisis diasaskan di atas andaian bahawa isirumah yang memiliki lebih banyak dan pelbagai punca kepada pendapatan isirumah akan menikmati kedudukan modal kewangan yang lebih baik dan terjamin. Bergerak di atas premis ini, hasil kajian mendapati Orang Kuala memiliki lebih banyak dan pelbagai punca kepada pendapatan isirumah berbanding Orang Kanaq. Min bilangan punca pendapatan isirumah Orang Kuala adalah lebih tinggi (2.16) berbanding Orang Kanaq (1.83). Ini menunjukkan punca kepada sumber pendapatan isirumah Orang Kuala adalah lebih pelbagai daripada Orang Kanaq. Kepelbagaian punca kepada pendapatan isirumah ini menjadikan Orang Kuala tidak terlalu bergantung kepada satu-satu sumber pendapatan semata-mata.

Jadual 3b
Taburan Bilangan Punca Pendapatan Bulanan Isi Rumah
Orang Kanaq dan Orang Kuala, 2012.

Bil Punca Sumber Pendapatan Isirumah	Orang Kanaq (%)	Orang Kuala (%)
0	4.3	0.0
1	34.8	15.7
2	43.5	54.9
3	8.7	27.5
4	8.7	2.0
Min Bil Punca Pendapatan	1.83	2.16

NB. Punca sumber pendapatan isirumah adalah dari pekerjaan utama, pekerjaan sampingan, dividen, kiriman dan bantuan diterima ketua isirumah dan pasangan.

Jadual 3c pula menunjukkan beberapa jenis punca pendapatan isirumah dalam kalangan komuniti kajian. Selain menerima pendapatan dari hasil dividen ladang sawit secara bulanan (96.1%), Orang Kuala juga memiliki kelebihan meraih pendapatan isirumah

melalui pekerjaan utama dan sampingan (66.6%). Mereka juga berjaya menokok-tambah kedudukan kewangan bulanan hasil daripada kiriman wang ahli keluarga, penerimaan bayaran pencen dan bantuan kebajikan kerajaan. Bagi Orang Kanaq pula, kedudukan kewangan mereka dilaporkan lebih rendah daripada Orang Kuala berikutan bilangan dan punca kepada pendapatan bulanan mereka adalah terhad dan kurang pelbagai. Hanya 60.9 peratus sahaja daripada isirumah Orang Kanaq memperolehi pendapatan bulanan daripada hasil dividen ladang sawit iaitu sebanyak RM350-RM400 sebulan. Perolehan upah dari pekerjaan utama dan sampingan pula hanya melibatkan 43.5 peratus isirumah, sementara mereka yang menerima bantuan kebajikan kerajaan pula berjumlah 26.1 peratus sahaja. Malahan, sumbangan kepada pendapatan bulanan dari punca-punca lain seperti bayaran pencen dan kiriman wang oleh ahli keluarga lain adalah lebih rendah bagi Orang Kanaq.

Jadual 3c

Jenis Punca Kepada Pendapatan Bulanan Isi Rumah Orang Kanaq dan Orang Kuala, 2012.

Jenis Punca Kepada Pendapatan Isirumah	Orang Kanaq (%)	Orang Kuala (%)
Dari Pekerjaan Utama	34.8	58.8
Dari Pekerjaan Sampingan	8.7	7.8
Dari Hasil Dividen	60.9	96.1
Dari Hasil Sewaan	0.0	0.0
Dari Kiriman Wang (Remittance)	4.3	7.8
Dari Pencen	0.0	3.9
Dari Bantuan Kebajikan	26.1	3.9

b) Petunjuk Pemilikan Aset

Analisis selanjutnya ditumpukan kepada satu lagi petunjuk modal kewangan iaitu pemilikan aset. Pemilikan aset ini dibahagikan kepada dua jenis aset iaitu aset tetap dan aset cair/tunai. Aset tetap di sini merujuk kepada jenis pemilikan aset/harta yang bukan mudah untuk ditunaikan pada bila-bila masa bagi mendapatkan wang tunai dalam masa terdekat. Ini merujuk kepada pemilikan aset/harta dalam bentuk kenderaan, rumah kediaman, mesin dan peralatan pengeluaran, serta tapak dan bangunan perniagaan. Manakala bagi pemilikan ke atas aset cair pula, jenis aset yang menjadi rujukan di sini adalah dalam bentuk simpanan/tabungan wang tunai atau sesuatu aset/harta yang mudah ditukarkan ke dalam bentuk tunai seperti saham, insuran, barangan kemas, dan ternakan.

Hasil kajian ke atas pemilikan aset cair dan aset tetap Orang Kanaq dan Orang Kuala dibentangkan dalam Jadual 4. Hitungan berasaskan indeks kewangan aset tetap dan aset cair didapati adalah lebih tinggi dalam kalangan Orang Kuala (0.5931 dan 0.4902) berbanding Orang Kanaq (0.4239 dan 0.0870).

Jadual 4

Pemilikan Aset Tetap dan Aset Cair Dalam Kalangan Orang Kanaq dan Orang Kuala, 2012

Jenis Pemilikan	Orang Kanaq	Orang Kuala
Aset Tetap	(%)	(%)
Kenderaan	73.9	92.2
Rumah	87.0	96.1
Mesin dan Peralatan	4.3	33.3
Tapak dan Bangunan Perniagaan	4.3	15.7
Indeks Kewangan Aset Tetap	0.4239	0.5931
Aset Cair/Tunai		
Simpanan, Tabungan dan Saham	26.1	82.4
Barang Kemas	8.7	68.6
Ternakan (lembu, kambing, ikan)	0	9.8
Insurans	0	35.3
Indeks Kewangan Aset Cair/Tunai	0.0870	0.4902

Analisis lebih terperinci dalam Jadual 4 mendapati Orang Kuala bukan sahaja telah mendahului Orang Kanaq dalam aspek pemilikan rumah dan kenderaan tetapi juga menunjukkan kelebihan dalam pemilikan aset berbentuk mesin/peralatan pengeluaran dan tapak/bangunan perniagaan. Pola pemilikan sama juga diperhatikan ke atas aset cair. Pemilikan aset cair dalam kalangan Orang Kanaq hanya terhad dalam bentuk simpanan/tabungan dan saham (26.1%) dan barang kemas (8.7%) berbanding peratusan lebih tinggi dan meluas ke atas pemilikan aset seumpama ini dalam kalangan Orang Kuala (82.4% dan 68.6%). Tiada Orang Kanaq dilaporkan memiliki aset cair dalam bentuk insurans atau ternakan. Bagi Orang Kuala, selain memiliki simpanan/tabungan tunai, saham serta barang kemas, mereka juga ada memiliki aset dalam bentuk pelaburan insuran (35.3%) dan ternakan (9.8%). Penemuan ini sekali lagi membuktikan bahawa daripada segi pemilikan aset (tetap atau cair), Orang Kanaq masih jelas ketinggalan kepada Orang Kuala.

c) Petunjuk Penerimaan Bantuan Kewangan dan Bukan Kewangan

Kedudukan modal kewangan kedua-dua suku Orang Asli ini juga diukur dengan merujuk kepada indikator penerimaan bantuan kewangan dan bukan kewangan hasil sumbangan pihak kerajaan melalui agensi dan badan tertentu. Jadual 5 menunjukkan Orang Kuala mempunyai peratusan lebih tinggi dalam menerima bantuan kerajaan berbentuk subsidi (54.9%), kredit/pinjaman (15.7%) dan geran/modal (9.8%) berbanding Orang Kanaq. Penerimaan bantuan kewangan berbentuk kredit/pinjaman, subsidi dan geran/modal telah berjaya meningkatkan kedudukan modal kewangan Orang Kuala ke tahap lebih baik daripada Orang Kanaq. Bagi Orang Kanaq, ketiadaan bantuan atau akses kepada kemudahan seumpama ini telah memberi impak kurang memberangsangkan kepada kedudukan kewangan mereka.

Jadual 5
Bentuk Penerimaan Bantuan Kewangan dan Bukan Kewangan
Dalam Kalangan Orang Kanaq dan Orang Kuala, 2012

Jenis Penerimaan Bantuan/ Akses Kemudahan	Orang Kanaq (%)	Orang Kuala (%)
Bantuan Kewangan		
Kredit/ Pinjaman	0	15.7
Geran/Modal	0	9.8
Subsidi/Kebajikan	4.3	54.9
Indeks Bantuan Kewangan	0.0145	0.2680
Bantuan Bukan Kewangan		
Pendidikan	56.5	100
Pertanian dan Ternakan	39.1	7.8
Kesihatan dan Makanan	100	72.5
Perniagaan	4.3	3.9
Perumahan	95.7	51.0
Indeks Bantuan Bukan Kewangan	0.5913	0.4706

Merujuk kepada lima jenis bantuan bukan kewangan yang diterima daripada pihak kerajaan (lihat Jadual 5), wujud perbezaan yang signifikan di antara Orang Kanaq dan Orang Kuala. Orang Kuala mencatatkan peratusan penerimaan yang tinggi dalam bentuk bantuan pendidikan (100%), diikuti bantuan kesihatan dan makanan (72.5%) dan bantuan perumahan (51.0%). Bantuan-bantuan seumpama ini terutamanya dalam bentuk pendidikan, kesihatan dan makanan juga telah berjaya meningkatkan kualiti modal insan Orang Kuala dari segi kemahiran dan produktiviti. Bagi Orang Kanaq pula, walaupun mereka mencatatkan peratusan tinggi dalam menerima bantuan kesihatan dan makanan (100%) serta perumahan (95.7%), namun manfaat daripada bantuan seumpama ini lebih menjurus kepada memenuhi keperluan hidup semasa/harian. Bantuan yang diterima melalui pendidikan (56.5%) dan pertanian dan penternakan (39.1%) pula adalah lebih rendah dan tidak banyak menyumbang kepada peningkatan kualiti modal insan dan produktiviti Orang Kanaq. Bantuan pendidikan yang diterima sekadar membolehkan mereka mendapat pendidikan asas sahaja, lantas tidak mampu mentransformasi modal insannya menjadi pekerja mahir dan terlatih. Begitu juga halnya dengan bantuan pertanian dan ternakan yang diterima dilihat tidak menjamin pulangan yang mencukupi untuk membolehkan mereka memasarkan lebihan hasilnya bagi mendatangkan pulangan pendapatan yang lebih baik. Sebaliknya, bantuan dalam bentuk pertanian dan ternakan ini lebih menjurus kepada memenuhi keperluan harian atau sekadar pengeluaran untuk kegunaan isirumah sahaja. Dari segi bantuan perniagaan pula, tidak banyak perbezaan diperhatikan di antara Orang Kanaq (4.3%) dan Orang Kuala (3.9%). Namun, Orang Kuala dilihat lebih terkehadapan dalam bidang perniagaan berbanding Orang Kanaq berikutan mereka lebih berpeluang menerima bantuan dan akses kepada kemudahan kewangan dalam bentuk kredit/pinjaman atau geran/modal untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan.

Kesimpulannya, perbezaan akses kepada kedua-dua jenis bantuan ini (terutama bantuan kewangan berbanding bukan kewangan) yang lebih berpihak kepada Orang Kuala telah meletakkan kedudukan modal kewangan dan ekonomi Orang Kuala jauh lebih baik daripada Orang Kanaq. Persoalannya, apakah bentuk bantuan yang diterima Orang Kanaq selama ini mampu membantu mereka menjalani kehidupan yang lebih lestari di masa hadapan. Apakah perlu di sini, di pihak kerajaan sendiri meneliti semula keberkesanan bentuk bantuan dan akses kemudahan yang disediakan agar mereka juga boleh berjaya dibawa melepasi kemelut kehidupan ekonomi yang semakin mencabar mutakhir ini.

PERBINCANGAN

Menurut Carey (1976), pelbagai usaha telah dijalankan pihak kerajaan bagi membantu meningkatkan taraf hidup Orang Asli di negara ini. Antaranya melalui penyediaan penempatan baru kepada mereka yang lebih selesa dan tersusun. Pihak JAKOA selaku agensi bertanggungjawab telah merobohkan pondok-pondok lama dan mendirikan rumah yang baru. Jika sebelum ini mereka diberikan rumah papan sebagai tempat berteduh tapi kini kerajaan telah membina rumah-rumah baru di bawah skim Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Rumah Melati (rumah bantuan kerajaan yang diperbuat daripada kayu) kini telah ditukar kepada rumah konkrit. Dalam kalangan Orang Kanaq pula, hampir setiap keluarga menerima rumah PPRT tersebut. Selain itu mereka juga mendapat bantuan makanan dan keperluan-keperluan lain secara percuma. Namun, sehingga kini kehidupan ekonomi Orang Kanaq masih lagi belum menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan. Mereka bukan sahaja belum mampu untuk menjalani kehidupan lebih baik seperti Orang Kuala walaupun telah menerima bantuan berterusan daripada pihak kerajaan, mereka juga didapati masih tidak dapat berdikari dari sudut kewangan. Kedudukan tabungan/simpanan mereka masih lagi rendah berikutan perolehan pendapatan yang rendah. Mereka secara berterusan masih terbelenggu dengan kemelut kemiskinan.

Analisis berikut bertujuan mengesan dan membuat ramalan berkaitan kekuatan pengaruh setiap petunjuk yang dibincangkan sebelum ini kepada kelestarian hidup ekonomi Orang Kuala dan Orang Kanaq. Persoalan yang cuba diselesaikan di sini ialah berapakah sumbangan setiap satu petunjuk tersebut ke atas indeks kelestarian hidup ekonomi dalam komuniti kajian. Dalam konteks ini, analisis regresi pelbagai telah dilaksanakan dengan dimuat naik kesemua petunjuk modal kewangan melalui tatarcara *stepwise* dalam analisis tersebut. Berdasarkan hasil analisis regresi pelbagai ini, hanya dua petunjuk dikesan memiliki pengaruh yang signifikan ke atas indeks kelestarian hidup ekonomi dalam komuniti kajian. Dua petunjuk yang dimaksudkan ini ialah pemilikan aset cair/tunai dan petunjuk pemilikan aset tetap.

Model Summary

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate	Change Statistics				
					R Square Change	F Change	df1	df2	Sig. F Change
1	.397(a)	.158	.146	.24158	.158	13.500	1	72	.000
2	.458(b)	.210	.188	.23562	.052	4.691	1	71	.034

a Predictors: (Constant), Indeks Modal Kewangan - Pemilikan aset cair

b Predictors: (Constant), Indeks Modal Kewangan - Pemilikan aset cair, Indeks Modal Kewangan - Pemilikan aset tetap

ANOVA(c)

Model		Sum of Squares	Df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	.788	1	.788	13.500	.000(a)
	Residual	4.202	72	.058		
	Total	4.990	73			
2	Regression	1.048	2	.524	9.442	.000(b)
	Residual	3.942	71	.056		
	Total	4.990	73			

a Predictors: (Constant), Indeks Modal Kewangan - Pemilikan aset cair

b Predictors: (Constant), Indeks Modal Kewangan - Pemilikan aset cair, Indeks Modal Kewangan - Pemilikan aset tetap

c Dependent Variable: Indeks Modal Kewangan - Kelestarian hidup ekonomi

Berpandukan nilai R^2 untuk Model 1, pemilikan aset cair/tunai telah menyumbang sebanyak 15.8 peratus ($R^2 = 0.158$) kepada indeks kelestarian hidup ekonomi komuniti kajian. Manakala penelitian terhadap nilai R^2 dalam Model 2 pula menunjukkan kemasukan petunjuk pemilikan aset tetap dalam hitungan ini telah berjaya membawa kepada peningkatan nilai R^2 sebanyak 5.2% lagi kepada 21.0 peratus ($R^2 = 0.210$). Ini menunjukkan bahawa gabungan daripada kedua-dua petunjuk pemilikan aset cair dan aset tetap ini mampu menyumbang sebanyak 21.0 peratus kepada indeks kelestarian hidup ekonomi kedua-dua komuniti kajian. Sementara, sumbangan dari tiga petunjuk lain iaitu tingkat pendapatan, penerimaan bantuan kewangan dan bantuan bukan kewangan gagal secara statistik menunjukkan sumbangan signifikan kepada indeks kelestarian hidup ekonomi kedua-dua komuniti kajian.

Penemuan di atas sekaligus meletakkan kepentingan pemilikan aset (cair dan tetap) dalam membawa peningkatan dalam indeks kelestarian hidup ekonomi komuniti kajian. Ini bermakna, sebarang usaha dan inisiatif pihak kerajaan termasuk agensi berkaitan ke arah meningkatkan penguasaan Orang Kanaq dan Orang Kuala dari segi pemilikan aset cair dan aset tetap dijangka boleh membantu mewujudkan suasana kehidupan ekonomi yang lebih baik. Setakat ini, usaha dan inisiatif yang dijalankan pihak berkuasa dalam meningkatkan

pendapatan dan punca pencarian penduduk melalui pemberian bantuan berupa kewangan dan bukan kewangan dilaporkan masih belum secara signifikan memberi kesan positif kepada kehidupan ekonomi komuniti kajian. Apa yang terbukti berkesan setakat ini adalah dengan memberi fokus kepada usaha-usaha meningkatkan pemilikan aset cair dan aset tetap dalam kalangan penduduk. Kejayaan meningkatkan pemilikan kedua-dua jenis aset ini dilihat dengan sendirinya dapat meningkatkan kemampuan kewangan penduduk kepada kedudukan yang lebih baik.

Analisis regresi pelbagai dalam bahagian ini telah membuktikan bahawa bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada Orang Kanaq selama ini seolah-olah kurang memberi kesan positif kepada kehidupan mereka. Mereka masih lagi menjalani kehidupan yang susah dan dibelenggu kemiskinan. Bentuk bantuan yang diberikan oleh kerajaan bukanlah lagi merupakan suatu tindakan efektif yang boleh membawa kepada peningkatan taraf hidup mereka. Bantuan yang diberikan dalam bentuk makanan, pakaian dan pelbagai barangan keperluan lain selama ini tidak dapat menjana peluang ekonomi dan pendapatan yang lebih baik. Kebanyakan bantuan yang disediakan lebih berbentuk “pakai habis”, lantas tidak mampu digunakan sebagai landasan untuk meningkatkan pulangan ekonomi yang lebih menjaminkan untuk jangka masa panjang. Oleh itu, sudah tiba masanya strategi pemberian bantuan kewangan dan bukan kewangan yang diamalkan pihak kerajaan selama ini disemak semula dan dinilai keberkesanannya. Disamping itu, langkah ke arah meningkatkan pemilikan aset dalam kalangan Orang Kanaq perlu diberi perhatian sebagai salah satu strategi penyelamat. Langkah seumpama ini wajar diberi perhatian sebagai mengambil iktibar daripada kejayaan Orang Kuala setakat ini. Peningkatan akses Orang Kuala kepada kemudahan berbentuk kredit/pinjaman dan geran banyak membantu mereka mencapai kemantapan modal kewangan. Mereka berjaya memanfaatkan kemudahan kredit, pinjaman dan geran yang disediakan sebagai satu peluang menjana ekonomi dan meningkatkan taraf hidup. Tidak kurang juga mereka memberi tumpuan meningkatkan kualiti modal insan ahli keluarga melalui bantuan pendidikan. Hakikatnya, ramai dalam kalangan anak-anak Orang Kuala telah berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara melalui biasiswa yang diberikan, walhal bagi anak-anak Orang Kanaq masih ketinggalan dari sudut pendidikan.

KESIMPULAN

Sudah tiba masanya pihak kerajaan mengkaji bentuk-bentuk bantuan yang diberikan kepada Orang Asli selama ini bagi meningkatkan kelestarian hidup ekonomi mereka. Sesungguhnya, keperluan dan kehendak Orang Asli berbeza mengikut keadaan geografi dan kemahiran dimiliki. Oleh itu, bentuk pemberian bantuan yang diamalkan selama ini sudah tidak relevan lagi. Kemungkinan Orang Kanaq perlu diberikan bantuan yang dapat menjana peluang ekonomi yang lebih luas dan terjamin untuk jangka masa panjang. Dalam kata lain, bantuan yang disediakan perlu diubah “dari memberi ikan kepada memberi mata kail atau jala untuk

mereka usahakan”. Bantuan yang disediakan semestinya lebih menjurus kepada bantuan-bantuan yang dapat menjana pendapatan yang lebih baik dan terjamin serta meningkatkan pemilikan aset mereka. Komuniti Orang Kanaq juga hendaklah dibantu dari segi modal insan yang meliputi aspek pendidikan, latihan, kemahiran, dan kesihatan supaya lebih mampu untuk bersaing dengan kaum-kaum lain di masa hadapan. Menurut Hood (1995), konflik di antara Orang Asli dan pembangunan juga sering berlaku sehingga menjejaskan sumber ekonomi, lantas menggugat kesejahteraan dan *survival* mereka. Oleh itu, sudah tiba masanya sesuatu usaha pembangunan dalam kawasan Orang Asli anjuran pihak kerajaan tidak lagi mengakibatkan mereka ‘kehilangan hak ke atas milikan dan akses ke atas tanah saka dan kawasan rayau yang mereka usahakan dan bergantung hidup selama ini.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai melalui dana penyelidikan Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS – Bottom Up: 2011-2016 Kod: LRGS/BU/2011/UITM/UKM/PB/03), Kementerian Pelajaran & Pengajian Tinggi Malaysia di bawah *niche area: National Heritage* dengan tajuk “*Evolutionary Genomics & Anthropological Approaches On Endangered Malaysian Aborigine Populations: Towards Ensuring Their Sustainability*”.

RUJUKAN

- Department for International Development. (1999). *Sustainable Livelihoods Guidance Sheet: Introduction*. http://www.livelihoods.org/info/info_guidancesheets.html#1.
- Hood, M.S. 1995. *Dunia pribumi dan alam sekitar :langkah-langkah ke hadapan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Iskandar Carey. 1976. ‘*Orang Asli*’ *The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. London: Oxford University Press.
- Kua Kia Song. 2002. *Malaysian Critical Issues*. Kuala Lumpur. Yinlin Press Sdn Bhd
- Mahani Musa. 2011. The Socioeconomic History Of The Orang Kanaq Of Johor. *Kajian Malaysia*. 21(1): 47-74.
- Mohd. Sharifudin Yusop. 2008. Obsolesensi Dialek Suku Kanaq: Keterancaman Sumber Bahasa Melayu. *Prosiding Persidangan Perdana Pribumi Malaysia*, hlmn 215-242.
- Mustaffa Omar. 2008. Orientasi Nilai dan Penilaian Komuniti Orang Asli di Cameron Highlands: Satu Analisis Perbandingan. *Prosiding Persidangan Perdana Pribumi Malaysia*, hlmn 333-360.

Nor Hayaati Abdul Rashid. Program Pembaikan Taraf Makanan dan Kesihatan. 2005. Dalam Osman Ali & Zaleha Md. Isa (*pnyt*) *Kehidupan dan Kesihatan Orang Asli di Malaysia.*: Universiti Malaysia Sabah.

Suki Mee. 2003. *Pembangunan ekonomi dan keusahawanan Orang Asli.* Konvensyen Pembangunan Orang Asli Pahang Darul Makmur.

Yuszaidy Mohd Yusoff, Mohamad Nazri Ahmad & Mohamed Anwar Omar Din. 2009. *Laporan Kajian Warisan Orang Kuala: Kajian Kes di Batu Pahat dan Pontian, Johor.* 4: 141-161.

Mustaffa Omar
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor Darul Ehsan
(Email: momar@ukm.edu.my)

Nor Hafizah Mohd Fizer
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor Darul Ehsan
(Email: norhafizahmohdfizer@gmail.com)